

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID
[KUALA KANGSAR]**

SOALAN NO. 274

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memastikan sistem komuter utara dibina sampai ke Ipoh dan singgah di Kuala Kangsar memandangkan permintaan kegunaan komuter amat tinggi di kalangan rakyat di kawasan ini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini KTMB menyediakan Perkhidmatan Komuter Utara bagi sektor Padang Besar – Butterworth dengan 28 perkhidmatan sehari dan Bukit Mertajam - Padang Rengas dengan 20 perkhidmatan sehari. Buat masa ini, KTMB tiada perancangan untuk memanjangkan perkhidmatan komuter ini ke Ipoh kerana jarak perjalanan yang melebihi 2 jam dari Bukit Mertajam/Padang Besar ke Ipoh di mana ianya lebih sesuai menggunakan perkhidmatan ETS kerana dilengkapi dengan tandas. Ia adalah sejajar dengan syarat yang ditetapkan oleh Agensi Pengangkutan Awam Darat (A.P.A.D) sedia ada.
2. Dalam pada itu, KTMB telah menyediakan Perkhidmatan ETS bagi menampung keperluan rakyat sekitar Ipoh dan Kuala Kangsar. Setiap hari terdapat 18 perjalanan tren ETS yang berhenti di Stesen Ipoh dan 10 perjalanan tren ETS yang berhenti di Stesen Kuala Kangsar sebelum meneruskan perjalanan seterusnya ke utara/selatan.

Sekian, terima kasih.